

13/03/1997

Nik Aziz puji kerjasama Pusat

Nasir Hassan

MACHANG, Rabu - Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yakin beberapa projek besar pembangunan di Kelantan dapat dilaksanakan hasil kerjasama yang semakin erat antara Kerajaan Pusat dan negeri kebelakangan ini.

Menurutnya, pelaksanaan projek itu jelas menunjukkan kerajaan negeri pimpinan Pas tidak menolak pembangunan, seperti dakwaan sesetengah pihak.

Kerajaan Pas, katanya, sentiasa menyuarakan hasrat supaya Kerajaan Pusat dapat membina projek pembangunan di negeri ini, seperti pelabuhan kecil, pembesaran lapangan terbang dan jambatan di Dabong, Ulu Kelantan.

"Setiap kali berjumpa dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) inilah perkara yang saya selalu sebut. Alhamdulillah, nampaknya hasrat saya itu semakin jelas menjadi kenyataan," katanya di majlis ceramah anjuran Pas kawasan Machang, di Kedai Pulaui Chondong, dekat sini, malam tadi.

Dalam hubungan itu, beliau memberi contoh kejayaan memeterai perjanjian pembinaan pelabuhan di Tumpat antara kerajaan negeri dan syarikat Hongkew Holding (M) Sdn Bhd (Hongkew), di pejabatnya, di Kota Darulnaim, Kota Bharu, semalam.

Nik Aziz menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan negeri, manakala Pengerusi Hongkew, Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, bagi pihak syarikat itu.

Projek membabitkan pelaburan RM200 juta itu bakal menjadi pusat persinggahan antarabangsa bagi kapal dari negara jiran seperti Thailand, Kemboja dan Vietnam, selain menjadi pintu masuk mengimport arang batu serta keperluan lain bagi pembinaan kilang simen di Gua Musang.

Menurut Nik Aziz, kilang simen itu mampu mengeluarkan 20,000 tan metrik atau 48,000 kampak simen sehari.

Menteri Besar berkata, sejak mengambil alih teraju pemerintahan negeri ini, kerajaan Pas tidak mengabaikan pembangunan jasmani, walaupun meletakkan pembangunan kerohanian di tempat utama.

Mengenai gejala keruntuhan akhlak di kalangan anak muda, beliau berkata pihak kerajaan perlu menangani masalah itu dengan bijaksana.

"Kerajaan tidak harus meletakkan tanggungjawab mendidik anak muda semata-mata terhadap ibu bapa, malah memikul tanggungjawab itu di peringkat awal lagi dengan menutup segala pintu maksiat, termasuk kelab malam dan pusat permainan video.

"Sebab itu, kerajaan negeri awal-awal lagi menutup semua pusat hiburan berkenaan kerana ia menjadi punca keruntuhan moral, khususnya di kalangan anak muda," katanya.

Beliau berpendapat gejala sosial yang berlaku sekarang berpunca daripada sikap ramai golongan remaja yang lambat berkahwin.

"Ini kerana ketika usia mereka di peringkat remaja, mereka lebih mudah terdedah kepada gejala tidak sihat akibat pergaulan bebas antara mereka," katanya.

(END)